



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Geografi (942)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 13 279. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 36.58%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	6.46	2.62	3.47	3.97	6.12	5.69	8.25	7.50	8.83	9.55	37.54

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan calon adalah sederhana berbanding kehendak skema jawapan dan skema pemarkahan yang ditetapkan. Secara umumnya kebanyakan calon memahami kehendak soalan dan mampu memberikan isi utama tetapi agak lemah untuk mengemukakan huraian yang relevan dengan kehendak soalan. Manakala, kelemahan calon yang ketara adalah tidak dapat memberikan contoh yang baik dan relevan bagi menyokong fakta yang dikemukakan. Sebahagian besarnya berada pada tahap sederhana dan sebahagian lagi dalam kategori lemah untuk kedua-dua soalan struktur dan esei di Bahagian A dan Bahagian B. Kebanyakan calon yang berada dalam kategori lemah, gagal mengingat fakta atau proses dan tidak dapat menghurai dengan baik. Selain itu, terdapat sebahagian calon yang tiada perancangan dalam menjawab dan tidak memahami kehendak soalan. Antara kelemahan yang ketara juga termasuklah calon masih lemah dalam pelbagai istilah dan pengetahuan asas geografi. Hal ini menyebabkan banyak soalan struktur yang dibiarkan kosong tanpa jawapan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Alam Sekitar Fizikal

Soalan 1 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon melabelkan struktur lapisan bumi dalam gambarajah yang diberikan. Soalan ini berkaitan dengan struktur bumi dan proses pembentukan batuan enapan. Jawapan yang sepatutnya ialah mantel, teras luar, dan teras dalam. Namun begitu, sebahagian kecil calon sahaja yang boleh menulis jawapan dengan tepat mengikut bahagian yang dilabelkan. Soalan ini boleh dikatakan adalah soalan yang paling mudah tetapi ramai calon gagal memberikan jawapan yang betul. Ada juga calon yang memberikan jawapan yang tiada kaitan langsung dengan lapisan bumi contohnya seperti atmosfera, lapisan ozon, permukaan bumi, litosfera dan khatulistiwa. Manakala sebahagian besar calon salah menjawab soalan ini dengan memberi kedudukan lapisan yang tidak tepat.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan **dua** proses pembentukan batuan enapan yang berikut, iaitu (i) secara organik dan (ii) secara kimia. Jawapan yang sepatutnya bagi proses pembentukan secara organik ialah arang batu atau batu kapur terbentuk melalui pemendapan bangkai hidupan/

kerangan/tumbuhan dan seterusnya berlaku proses pemampatan dan tekanan seterusnya menghasilkan arang batu dan batu kapur. Manakala, secara kimia pula ialah batuan pecah seterusnya dikumpulkan dan dimendapkan sehingga menjadi bahan mineral larut dalam air dan berlaku pemindahan/komposisi kimia iaitu penyimenan/pemampatan dengan mineral setempat dan akhirnya menjadi batu kapur/gypsum. Namun begitu, hanya segelintir kecil calon sahaja dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Sebahagian besar calon, tidak berjaya menerangkan proses pembentukan batuan tersebut dengan tepat. Terdapat calon yang hanya memberikan nama batuan, dan ada yang memberikan proses yang sama untuk kedua-dua jenis batuan enapan dan terdapat ramai juga calon yang menjelaskan proses pembentukan batu igneus atau proses luluhawa sebagai proses pembentukan batuan enapan. Kelemahan besar calon juga ialah gagal memahami kata kerja “proses” yang menyebabkan jawapan calon tidak mempunyai markah.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **tiga** kepentingan batuan enapan terhadap ekonomi di Malaysia. Jawapan yang sepatutnya ialah batu kapur, arang batu, garam batu/batu garam, kaolin, lempung, dan pasir. Aktiviti ekonomi yang dipengaruhi oleh batuan tersebut adalah seperti pelancongan, pertanian, pembinaan, pembuatan, perindustrian dan perlombongan. Kebanyakan calon mampu memberikan isi dan huraian yang tepat dan memperoleh markah penuh untuk setiap isi. Manakala, calon yang gagal mendapat markah yang baik adalah kerana gagal menyatakan jenis batuan enapan dengan betul, tidak menyatakan langsung jenis batu enapan atau hanya menghuraikan kepentingan satu jenis batuan sahaja, contohnya kepentingan batu kapur untuk pertanian, pelancongan dan pembinaan. Terdapat juga calon yang menjawab tidak mengikut kehendak soalan. Calon menulis “kepentingan” sebagai fakta bukannya menulis jenis batuan enapan sebagai fakta. Terdapat juga calon yang memberikan padanan antara batuan enapan dengan aktiviti ekonomi kurang tepat, contohnya batu kapur untuk tujuan komestik menjadikan huraian calon tidak relevan. Lain-lain kelemahan ialah calon tidak dapat membezakan jenis batuan enapan, kerana terdapat calon yang menyatakan kepentingan batuan igneus dan batuan metamorphosis seperti batu granit, marmar, batu permata dan lain-lain.

Soalan 2 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sejauh manakah ciri permukaan bumi mempengaruhi kadar penerimaan bahangan matahari. Calon perlu memberikan dua jawapan, yang pertama ialah faktor ciri permukaan dan yang kedua ialah faktor lain. Jawapan yang sepatutnya bagi ciri permukaan ialah warna permukaan, tekstur, aspek, permukaan daratan dan air, jenis batuan, serta litupan tumbuhan. Manakala faktor lain ialah sudut kecondongan paksi bumi, putaran bumi, peredaran bumi, ketebalan atmosfera, sudut dongak dan kandungan atmosfera. Kebanyakan calon memahami kata tugasan soalan “sejauh manakah”, menyebabkan calon boleh menjawab sekurang-kurangnya dua isi dengan huraian yang tepat. Namun begitu, ramai juga calon yang tidak mendapat markah disebabkan mereka gagal membahagikan fakta kepada kelompok dengan betul atau salah tafsir kehendak soalan. Bagi calon yang salah tafsir kehendak soalan ialah, mereka menjelaskan aktiviti yang dipengaruhi oleh bahangan matahari contohnya penternakan dan perikanan atau menjelaskan kesan penerimaan bahangan matahari contohnya, luluhawa, kemarau, hujan, suhu tinggi dan pencairan glasier. Sebahagian besar calon hanya mendapat markah separuh dan sebahagian besar calon juga tidak menguasai topik ini dengan baik. Ini kerana ramai calon tidak mengetahui maksud ciri permukaan bumi. Ramai juga calon yang tidak boleh menyebut dan menghurai faktor lain dengan baik. Selain itu, kebanyakan calon tidak dapat membezakan isi ciri permukaan dan faktor lain yang mempengaruhi kadar penerimaan bahangan matahari. Oleh itu, jawapan calon bercampur aduk. Hanya segelintir kecil sahaja calon yang memilih untuk menjawab soalan ini, menyatakan ayat penegas seperti mana kehendak skema jawapan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan aktiviti manusia di kawasan tropika lembap banyak dipengaruhi oleh penerimaan tenaga suria. Jawapan yang sepatutnya ialah aktiviti domestik, perindustrian, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pertanian, pembinaan, pelancongan, perniagaan, pembalakan, perikanan, penternakan, sukan dan rekreasi, pengangkutan, dan perlombongan. Seterusnya, calon perlu menjelaskan peranan tenaga suria dalam aktiviti manusia tersebut sama ada semakin positif atau negatif untuk mendapatkan markah bagi huraian. Majoriti calon yang menjawab soalan ini memperoleh markah yang memuaskan kerana dapat menyatakan aktiviti manusia dengan betul. Namun terdapat juga calon yang gagal menghurai secara tepat untuk dikaitkan dengan penerimaan tenaga suria. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta yang baik dan memenuhi kehendak soalan, tetapi markah masih rendah kerana huraian kurang tepat. Ramai calon kehilangan markah untuk huraian kerana tidak menyatakan dengan jelas penerimaan tenaga suria/bahangan suria itu banyak/tinggi/suhu tinggi yang mempengaruhi aktiviti manusia tersebut. Contoh huraian untuk aktiviti manusia yang salah ialah untuk tumbuhan atau plankton melakukan proses fotosintesis. Ada juga calon memberikan fakta bukan aktiviti manusia contohnya tanah kering, kebakaran hutan dan jatuh sakit. Selain itu, kebanyakan calon tidak fokus kepada kawasan tropika lembap malah menjuruskan kepada kawasan hawa sederhana seperti aktiviti musim sejuk dan musim panas serta kebanyakan calon menggunakan kesan bahangan suria seperti tenaga suria rendah, tenaga suria sederhana dan mencukupi menyebabkan calon gagal mendapatkan markah yang baik.

Soalan 3(a) (Soalan Esei)

Soalan (a) (i) menghendaki calon membincangkan **enam** faktor yang mempengaruhi pemendapan sungai. Jawapan yang sepatutnya ialah halaju air, isipadu, kecerunan, bentuk alur, jenis batuan, bahan muatan, halangan, dan aktiviti manusia. Soalan ini merupakan soalan yang menjadi pilihan calon. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta yang baik dan huraian yang baik. Namun terdapat juga, calon yang kehilangan markah apabila memberikan huraian yang berlawanan dengan fakta, contohnya halaju air yang tinggi meningkatkan pemendapan sungai, cerun yang curam meningkatkan pemendapan sungai dan sebagainya. Ada juga calon yang dapat memberikan fakta yang baik tetapi tidak menyatakan sama ada pemendapan tinggi atau rendah menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik untuk huraian. Soalan ini juga memerlukan calon membuat kesimpulan. Namun tidak ramai yang mendapat markah untuk kesimpulan kerana kesimpulan yang baik tidak dapat dinyatakan.

Soalan (a) (ii) menghendaki calon menjelaskan **enam** kepentingan bentuk muka bumi pemendapan sungai terhadap aktiviti manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah dataran banjir, delta, tasik ladam, tetambak, beting pasir, pulau, kukup, dan rawa. Seterusnya huraian perlu dikaitkan dengan aktiviti manusia seperti pertanian, pelancongan, perikanan, akuakultur, perlombongan pasir, pengangkutan, petempatan dan lain-lain. Kebanyakan calon dapat menulis fakta dengan tepat dan huraian yang baik. Namun masih ada sebilangan kecil calon yang memberikan fakta yang betul tetapi huraian yang lemah menyebabkan calon gagal mendapat markah penuh. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan bentuk muka bumi hakisan sungai menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik.

Soalan 3(b) (Soalan Esei)

Soalan (b) (i) menghendaki calon membincangkan **enam** aktiviti manusia yang dijalankan di zon pinggir pantai di Malaysia. Jawapan yang betul yang sepatutnya ialah perikanan, pelancongan, akuakultur, pengangkutan, pembinaan, perlombongan, perniagaan, IKS, pembalakan pokok bakau, sukan dan rekreasi, serta pertanian. Calon dapat menulis fakta dengan tepat dan huraian yang baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini. Calon dapat menyatakan aktiviti yang berlaku dikawasan

zon pinggir pantai dan menghuraikan dengan baik. Namun, masih terdapat calon yang lemah terutama untuk mengaitkan aktiviti manusia dengan zon pinggir pantai di Malaysia. Kebanyakan calon menghurai secara umum sahaja. Keistimewaan zon pinggir pantai yang dipilih tidak diberi penekanan oleh calon semasa menghurai. Oleh itu, calon gagal mendapat markah yang baik kerana kegagalan untuk mengaitkan aktiviti dengan ciri-ciri yang ada di zon pinggir pantai yang membolehkan aktiviti tersebut dijalankan. Sebagai contoh, kawasan zon pinggir pantai yang berpasir dan unik mengalakkan aktiviti pelancongan dan berjemur. Terdapat juga calon yang tidak dapat membuat huraian yang baik berdasarkan fakta yang diberikan. Terdapat calon menjadikan huraian aktiviti sebagai fakta, contohnya aktiviti berjemur, aktiviti fotografi, menangkap ikan dan perfileman. Soalan ini juga memerlukan kesimpulan. Penulisan kesimpulan masih sederhana tetapi bertambah baik.

Soalan (b) (ii) menghendaki calon menjelaskan **enam** kesan negatif pergerakan jisim terhadap alam sekitar fizikal. Jawapan yang sepatutnya ialah pencemaran air, batu runtuh/runtuhan tanah, aliran lumpur, pergerakan tanah/kehilangan *top soil*, peningkatan pemendapan, kemusnahan habitat flora dan fauna, kemusnahan flora dan fauna, perubahan cerun, pencemaran udara, dan sungai cetek. Seterusnya, huraian mesti menyentuh kesan terhadap alam sekitar fizikal seperti pencemaran air, pencemaran udara, sungai menjadi cetek, kehilangan kesuburan tanah, kemusnahan habitat, kemusnahan flora dan fauna, tanah runtuh, kemusnahan hidupan akuatik, rantian makanan terjejas dan peningkatan suhu. Kebanyakan calon dapat menulis jawapan yang tepat sekurang-kurangnya empat isi/fakta dengan tepat. Namun, calon kehilangan markah kerana mereka menjelaskan kesan alam sekitar sahaja tetapi tidak menghuraikan kesan lanjutan daripada kesan tersebut. Contohnya pergerakan jisim menyebabkan pencemaran air seterusnya menyebabkan kemusnahan habitat, tetapi calon hanya menyatakan pergerakan jisim menyebabkan pencemaran air, kemudian menghuraikan bagaimana pencemaran air tersebut berlaku. Ada juga beberapa orang calon tidak memberikan kesan pergerakan jisim tetapi menghuraikan jenis pergerakan jisim contohnya tanah runtuh, geluncuran, kesotan tanah dan sebagainya. Terdapat juga beberapa orang calon keliru antara kesan alam sekitar fizikal dengan manusia, contoh jawapan adalah kehilangan nyawa, kerosakan infrastruktur dan kemusnahan harta benda. Kelemahan calon yang sangat ketara ialah, walaupun ada yang dapat memberikan fakta seperti pencemaran air, sungai cetek, pencemaran udara, habitat dan kemusnahan flora dan fauna tetapi gagal untuk mengaitkan dengan kesan kepada fizikal menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik.

BAHAGIAN B: Alam Sekitar Manusia

Soalan 4 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **tiga** koridor pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia pada masa ini. Jawapan yang sepatutnya ialah NCER, ECER, Iskandar Malaysia, SDC, dan SCORE. Majoriti calon dapat menguasai fakta dan menjawab dengan tepat dan betul. Sebilangan kecil sahaja yang gagal menjawab soalan ini. Mereka tidak memahami istilah “koridor” pembangunan wilayah menyebabkan terdapat calon yang menulis strategi pembangunan desa, rancangan pembangunan wilayah seperti FELDA, KEJORA, KETENGAH dan FELCRA.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menjayakan pembangunan desa di Malaysia. Jawapan yang sepatutnya ialah pembangunan in-situ, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), perindustrian desa, rancangan pembangunan wilayah, pembandaran desa, mewujudkan pusat pertumbuhan desa, dan pemodenan sosioekonomi desa. Sebilangan kecil sahaja yang dapat memberikan fakta dan huraian yang baik. Ramai calon tidak mendapat markah kerana tidak menyebut strategi pembangunan desa. Ada juga calon yang tidak mendapat markah kerana tidak menyebut strategi sebagai fakta tetapi menghurai berkenaan

strategi tersebut sahaja. Terdapat juga calon yang memberikan fakta yang salah seperti ada kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial, peranan kerajaan, peluang perkerjaan dan sebagainya menyebabkan calon gagal mendapat markah.

Soalan (c) menghendaki calon menjawab berdasarkan jawapan calon di (b) dan menghuraikan **tiga** kesan pelaksanaan strategi tersebut dalam mengurangkan jurang pembangunan antara desa-bandar. Jawapan yang sepatutnya ialah peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, peningkatan kemudahsampaian, perubahan sektor ekonomi, peningkatan jumlah penduduk, peningkatan kualiti hidup, peningkatan kemudahan infrastruktur/asas, peningkatan kemudahan sosial dan perubahan gaya hidup. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Untuk soalan ini ramai calon gagal memperoleh markah kerana soalan ini perlu merujuk kepada jawapan pada soalan (b). Disebabkan ramai calon tidak memberikan strategi yang betul untuk soalan (b), jadi mereka kehilangan markah secara langsung untuk soalan ini. Ada calon yang memberikan strategi yang betul untuk soalan (b) tetapi huraian kesan di (c) tidak merujuk kepada mana-mana strategi yang diberikan di (b) menyebabkan mereka kehilangan markah juga. Hanya sebahagian kecil calon mendapat markah untuk soalan ini sekiranya jawapan (b) adalah betul. Terdapat calon yang memberikan fakta yang betul, tetapi oleh kerana (b) semua salah, calon tidak mendapat markah pada bahagian ini. Secara keseluruhan, soalan ini boleh dikatakan soalan yang paling sukar. Ramai calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ramai yang tidak mendapat sebarang markah bagi soalan ini.

Soalan 5 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan bagaimanakah kualiti sumber manusia yang berdaya saing menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Soalan ini memerlukan calon memberikan fakta, proses dan kesan untuk mendapat markah penuh. Jawapan atau fakta yang sepatutnya ialah kesihatan, pendidikan, kemahiran, dan sikap. Hanya sebilangan kecil sahaja calon yang menguasai konsep kualiti penduduk, oleh itu calon tersebut boleh menulis fakta/isi dengan tepat. Manakala, sebahagian besar daripada calon yang menjawab soalan ini tidak memahami konsep kualiti sumber manusia dan gagal memberikan fakta dengan baik. Antara contoh jawapan yang calon beri ialah jantina, umur, pelabur asing, infrastruktur dan lain-lain lagi yang tidak menepati kehendak skema. Terdapat juga calon yang dapat memberikan kesemua fakta dengan baik tetapi hanya menerangkan kesan terhadap fakta sahaja tanpa menghuraikan proses bagaimana fakta tersebut boleh menghasilkan kesan terhadap pembangunan negara. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh bagi setiap isi. Untuk soalan ini majoriti calon gagal mendapat markah yang baik kerana hanya dapat memberikan fakta tanpa memberikan proses dan kesan. Ada calon yang tidak memahami maksud kehendak soalan tanpa merujuk kepada kualiti sumber manusia iaitu kesihatan, pendidikan, kemahiran dan sikap. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah tenaga buruh yang ramai, teknologi tinggi, meningkatkan imej negara dan meningkatkan ekonomi negara. Ada juga calon anggap sumber manusia ialah sumber alam seperti hutan dan mineral.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan **enam** kesan pertambahan penduduk terhadap alam sekitar fizikal. Jawapan yang sepatutnya ialah peningkatan bilangan kenderaan bermotor, peningkatan penerokaan sumber alam, peningkatan pembukaan kawasan kegiatan ekonomi (pertanian, pembalakan, perlombongan) melalui penyahutan, peningkatan penerokaan kawasan berisiko seperti cerun bukit, peningkatan sisa pepejal daripada domestik/industri, peningkatan kawasan tepu bina, peningkatan sumber makanan/permintaan sumber meningkat, peningkatan pembinaan, peningkatan penggunaan tenaga (peti sejuk, pendingin hawa dan lain-lain). Terdapat calon yang dapat memberikan isi atau

fakta dengan baik dan mengaitkannya dengan alam sekitar fizikal. Namun, kebanyakan calon yang boleh memberikan isi bagi soalan ini, tetapi tidak disertakan dengan kata kunci 'peningkatan' bagi setiap isi jawapan. Keadaan ini menyebabkan calon tidak dapat markah bagi soalan ini. Terdapat juga calon yang terus meletakkan kesan terhadap alam sekitar fizikal sebagai fakta atau isi jawapan tanpa disertakan dengan kesan pertambahan penduduk itu sendiri dan keadaan ini menyebabkan calon tidak mendapat markah bagi soalan ini. Selain itu, fakta tidak tepat dan tidak mencukupi sebagai contoh, calon meletakkan fakta alam sekitar fizikal dan tidak mengaitkan dengan kesan pertambahan penduduk. Terdapat juga calon yang memberikan kesan negatif pertambahan penduduk kepada sosio ekonomi seperti setinggan, masalah perumahan, pengangguran dan sebagainya.

Soalan 6 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon membincangkan **enam** faktor yang mempengaruhi proses pembandaran di sesebuah negara membangun. Jawapan yang betul yang sepatutnya ialah faktor ekonomi, faktor sejarah, dasar kerajaan, kemudahan sosial, infrastruktur dan utiliti, demografi, sumber bahan mentah, perhubungan/telekomunikasi dan aksesibiliti tinggi, bentuk muka bumi (lokasi strategik, jenis tanah dan lain-lain). Kebanyakan calon dapat memberikan isi yang tepat berserta huraian yang baik. Tetapi ada juga yang menjadikan huraian sebagai fakta menyebabkan mereka kehilangan markah. Contohnya peluang pekerjaan, pembinaan hospital, pembinaan institusi pendidikan, pembinaan jalan raya, migrasi, kelahiran yang tinggi dan sebagainya. Ada juga calon boleh memberikan fakta yang betul tetapi huraian mereka tidak menerangkan pengaruhnya dalam proses pembangunan. Contohnya faktor sejarah, calon menghuraikan tentang bangunan atau kawasan peninggalan sejarah menarik kedatangan pelancong, tanpa menjelaskan pengaruhnya kepada pembangunan. Selain itu, ada juga calon yang salah tafsir kehendak soalan dengan menghuraikan kesan pembandaran seperti pencemaran udara, pulau haba dan banjir kilat. Calon juga tidak dapat mengingat semua fakta untuk mendapat markah penuh. Huraian yang berkaitan dengan fakta adalah tidak menepati kepada fakta dan tidak berkaitan dengan fakta yang diberikan. Terdapat juga calon yang keliru tentang huraian kepada fakta 'kemudahan sosial' dan 'kemudahan infrastruktur'. Huraian kepada kedua-dua fakta tersebut adalah tidak tepat. Kelemahan ketara calon ialah gagal mendapat markah yang baik kerana huraian yang lemah dan calon hanya mendapat markah untuk fakta yang betul sahaja. Calon juga gagal mendapat markah kesimpulan kerana kegagalan untuk mendapat markah penuh bagi empat fakta daripada enam fakta yang dinyatakan serta penulisan kesimpulan juga masih kurang baik.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan **enam** peranan bandar dalam mempengaruhi proses pembangunan di Malaysia. Jawapan yang sepatutnya ialah pusat pemasaran, pusat pekerjaan, pusat pemodenan, pusat perkhidmatan sosial, pusat pembauran inovasi, pusat melahirkan golongan menengah, pusat kewangan, pusat pentadbiran, pusat pengangkutan, dan pusat kesihatan. Calon boleh memahami kehendak soalan dengan tepat dan menyatakan peranan bandar sebagai pusat pentadbiran, pusat pemasaran, pusat kewangan dan sebagainya. Ramai boleh menyatakan peranan bandar dengan baik tetapi terdapat juga fakta yang tidak tepat yang diberikan oleh calon, contohnya bandar berperanan sebagai pusat pendidikan, pusat pelancongan, pusat ekonomi dan pusat ibu negara. Ada juga calon yang mentafsir kehendak soalan ini kepada faktor mempengaruhi pembandaran contohnya pertumbuhan penduduk, pembinaan pusat pendidikan, dasar kerajaan dan bangunan perindustrian. Ini telah menyebabkan calon mendapat markah yang rendah atau tidak dapat markah langsung. Calon tidak menyebut dengan jelas peranan bandar iaitu tidak menyebut perkataan 'pusat' tetapi hanya menghurai peranan bandar secara umum. Calon juga tidak memberikan huraian yang lengkap dan tepat berkaitan peranan sesebuah bandar di Malaysia. Calon hanya mengulang kehendak soalan dan tidak menghurai dengan baik.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11 767. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 59.39%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	10.58	4.91	5.91	6.47	9.08	12.54	9.90	10.04	8.91	7.90	13.77

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon merangkumi tahap rendah, sederhana dan sangat baik. Calon memahami kata kunci soalan seperti jelaskan maksud, senaraikan, huraikan, jelaskan, bincangkan, dan sejauh manakah. Sebahagian besar calon dapat memahami kehendak soalan serta konsep yang dikemukakan dan dapat memberikan contoh dan huraian yang bersesuaian dengan kehendak soalan. Kebanyakan calon juga dapat mengemukakan jawapan dalam bentuk perenggan yang agak sistematik. Sebilangan besar calon telah menjawab dengan lengkap dan mengikut arahan yang diberikan, terutamanya bagi soalan yang melibatkan pemahaman proses dan kesan. Calon mematuhi format jawapan yang dituntut oleh soalan. Hal ini menunjukkan calon memahami kehendak soalan dan berupaya memberikan jawapan yang menepati format yang diperlukan. Kebanyakan calon juga telah menunjukkan pengetahuan fakta yang baik, terutamanya dalam soalan-soalan yang memerlukan penyenaraian serta pemahaman yang baik terhadap konsep-konsep asas geografi. Seterusnya, beberapa orang calon menunjukkan kemampuan yang baik dalam menghubungkan konsep-konsep geografi dengan isu-isu semasa.

Namun begitu masih terdapat segelintir calon yang masih tidak faham konsep dan istilah geografi menyebabkan jawapan calon tersasar. Terdapat calon yang gagal untuk memahami konsep-konsep dalam soalan menyebabkan mereka tidak mendapat markah bagi soalan tersebut. Antara konsep yang tidak difahami oleh calon ialah imbalan air negatif, abiotik, sumber semula jadi dan kepentingan lapisan atmosfera. Selain itu, masih ada calon yang tidak menjawab dengan lengkap atau membiarkan ruang jawapan kosong bagi soalan struktur dan bagi soalan esei pula ada calon yang membuat jawapan dalam sistem nombor namun isi dan huraian adalah betul dan lengkap namun terpaksa dipanaltikan kerana tidak mengikut format jawapan yang ditetapkan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Alam Sekitar Fizikal

Soalan 1 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud imbalan air negatif. Jawapan yang sepatutnya adalah jumlah air yang keluar (sejatan) melebihi atau lebih tinggi daripada jumlah air yang diterima (kerpasan). Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang betul dan tepat. Namun, terdapat calon yang tidak tahu konsep imbalan air negatif dan menjelaskan tentang resapan air dan ketiadaan air bawah tanah serta konsep imbalan air menyebabkan calon tidak mendapat sebarang markah.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan **tiga** faktor abiotik yang mempengaruhi variasi imbalan air negatif di sesebuah kawasan. Jawapan yang sepatutnya adalah hujan, aspek/topografi, batuan/tanah, suhu dan musiman. Kebanyakan calon masih tidak tahu istilah abiotik, menyebabkan jawapan yang diberikan seperti tumbuhan, manusia dan haiwan. Ada jawapan calon bercampur antara faktor biotik dengan abiotik dan calon tidak dapat menghuraikan fakta dengan baik.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan bagaimana sumber semulajadi digunakan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber bekalan air. Jawapan yang sepatutnya adalah hujan, tasik/kolam, air bawah tanah, air laut, dan air sungai. Seterusnya calon perlu menghuraikan proses dan kesan bagi setiap isi untuk mendapatkan markah penuh. Sebahagian besar calon dapat menyatakan fakta dengan tepat tetapi gagal menghuraikan proses dan kesan kerana calon tidak menjelaskan bagaimana diambil dan digunakan oleh manusia menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Sebilangan besar calon juga memberikan langkah mengatasi kekurangan air seperti pembenihan awan, tanam pokok dan membina empangan. Terdapat juga calon yang memberi jawapan sumber lain selain dari air kerana keliru dengan soalan iaitu “sumber semula jadi” contoh tumbuh-tumbuhan, tanah dan lain-lain.

Soalan 2 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan **enam** kepentingan lapisan atmosfera terhadap alam sekitar manusia. Jawapan yang sepatutnya adalah membekalkan oksigen, menjana unsur cuaca, menapis sinar ultra violet (UV), menyerap bahangan, memantul gelombang radio, bekalkan tenaga, memantul sinaran, menyerap bahangan dan sinaran, laluan pengangkutan udara, penyelidikan, pembakaran meteor dan mengekalkan bahangan bumi waktu malam. Kebanyakan calon tidak mendapat markah kerana tidak menjelaskan fakta dan kaitkan dengan pengaruh kepada manusia. Kebanyakan jawapan calon berkisarkan unsur cuaca dan iklim menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik. Jawapan calon hanya berkisar kepada bekal oksigen, penapis sinar UV dan unsur cuaca sahaja. Jawapan calon terlalu umum dengan menggunakan perkataan melindungi, menyelamatkan dan lain-lain.

Soalan (b) menghendaki calon berfikir sejauh manakah aktiviti manusia mengganggu sistem atmosfera. Soalan ini memerlukan calon memberikan dua jenis jawapan iaitu aktiviti manusia dan juga faktor lain yang mengganggu sistem atmosfera. Jawapan yang sepatutnya untuk faktor aktiviti manusia adalah perindustrian, pertanian, pembalakan, aktiviti domestik, pengangkutan, perlombongan kuari, pembinaan, penternakan, penjanaan tenaga elektrik terma, ujian nuklear dan aktiviti dikawasan perlupusan sampah. Manakala, jawapan yang sepatutnya untuk faktor lain ialah kebakaran hutan secara semula jadi, letusan gunung berapi, dan pereputan kawasan paya bakau. Majoriti calon memberikan fakta dan menghuraikan fakta dengan baik. Segelintir calon sahaja yang tidak dapat menghuraikan dengan baik dan tidak menyebut kandungan atmosfera yang terganggu. Ada calon yang hanya menerangkan aktiviti manusia dan atmosfera terganggu tanpa menyatakan habuk dan gas yang keluar. Kebanyakan calon juga sudah mahir dengan teknik dan format jawapan bagi penyoalan “sejauh manakah”.

Soalan 3 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan **enam** proses menegak dalam kitaran hidrologi. Jawapan yang sepatutnya adalah sejatan, sejatpeluhan, pemeluwapan, pemejalwapan, kerpasan, pintasan atau cegatan silara, aliran batang, resapan, dan perpeluhan. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta dan menghuraikan dengan baik bagi soalan ini, hanya segelintir sahaja yang tidak mampu menghuraikan dengan baik. Segelintir calon tidak dapat menghuraikan dengan baik terutama bagi fakta perpeluhan, pemejalwapan, dan sejatpeluhan serta tidak dapat membezakan proses pintasan dengan aliran batang dan kebanyakan calon-calon ini membuat huraian bagi faktor pintasan adalah seperti aliran batang.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan sejauh manakah faktor hujan mempengaruhi larian air permukaan. Calon perlu memberikan dua kelompok jawapan iaitu faktor hujan dan faktor lain untuk mendapatkan markah penuh. Jawapan yang sepatutnya untuk faktor hujan adalah intensiti hujan (keamatan hujan atau isipadu hujan), tempoh masa hujan, dan kekerapan hujan. Manakala faktor lain adalah litupan tumbuhan, tanah, kecerunan tanah/permukaan, jenis permukaan, kelembapan tanah/kandungan air dalam tanah/ketepuan, batuan dan aktiviti manusia. Seterusnya, untuk mendapatkan markah bagi huraian, calon perlu menyatakan sama ada faktor tersebut menyebabkan air larian permukaan tinggi atau rendah. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta yang baik dan huraian yang baik. Hanya segelintir calon sahaja yang tidak menyatakan larian air permukaan tinggi atau rendah tetapi faktanya adalah tepat.

BAHAGIAN B: Alam Sekitar Manusia

Soalan 4 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menyenaraikan **tiga** aktiviti ekonomi sekunder. Jawapan yang sepatutnya adalah aktiviti pemprosesan, aktiviti pembuatan dan aktiviti pembinaan. Sebilangan besar calon dapat menyenaraikan dengan baik dan mendapat markah penuh. Hanya segelintir memberikan fakta ekonomi tertier dan primer.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan mengapakah industri automotif mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan di Malaysia. Jawapan yang sepatutnya adalah tenaga buruh, modal, teknologi, bekalan sumber, pasaran, kemajuan R&D, kemudahan infrastruktur, dasar kerajaan dan kemudahan asas. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta tetapi lemah dalam huraian. Terdapat juga calon yang memberikan fakta seperti wujud peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan negara, peningkatan kesan penganda dan industri hiliran yang tidak boleh diterima oleh skema pemarkahan. Segelintir calon juga tidak tahu apa itu industri automotif menyebabkan huraian tersasar.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **tiga** sumbangan automotif terhadap sosioekonomi penduduk setempat di sesuatu kawasan. Jawapan yang sepatutnya adalah pendapatan meningkat, peluang pekerjaan penduduk, pertumbuhan ekonomi kawasan setempat, kemudahan infrastruktur, perkembangan industri hiliran, kemudahan sosial, kewujudan kesan penganda, kemudahan asas, dan perubahan gaya hidup. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta dan huraian yang baik, dan segelintir sahaja yang tidak dapat menghuraikan dengan baik. Calon-calon tersebut tidak dapat membezakan kesan penganda dengan industri hiliran menyebabkan calon gagal mendapat markah yang baik. Calon juga tidak dapat bezakan antara pekerjaan dalam industri automotif dengan baik menyebabkan huraian lemah.

Soalan 5 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan **enam** faktor yang mempengaruhi ketakseimbangan pembangunan antara kawasan di Malaysia. Jawapan yang sepatutnya adalah perbezaan bentuk muka bumi, sumber alam/bahan mentah, pengangkutan dan jaringan perhubungan, dasar kerajaan, lokasi/letakan kawasan, penduduk, sejarah, kepelbagaian/perbezaan jenis ekonomi yang dijalankan, faktor politik dan kemudahan sosial. Kebanyakan calon dapat memberikan fakta yang tepat tetapi huraian yang lemah. Sebahagian kecil sahaja yang dapat memberikan fakta dan menghuraikan dengan baik.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan **enam** impak pembangunan di kawasan luar bandar terhadap alam sekitar fizikal. Jawapan yang sepatutnya adalah kawasan pertanian bertambah luas, pertambahan penduduk, peningkatan kawasan industri, kewujudan jalan pengangkutan, peningkatan kawasan penempatan, peningkatan bilangan kenderaan bermotor, dan kepelbagaian kegiatan ekonomi. Seterusnya, huraian perlu menyatakan kesan alam sekitar fizikal yang terjejas seperti pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran bau/bunyi, kehilangan habitat, kepupusan flora dan fauna, kepupusan sumber, peningkatan suhu setempat, hakisan, pergerakan jisim, dan kemusnahan kawasan tadahan air. Kebanyakan calon gagal mendapat markah yang baik kerana tidak memberikan fakta yang baik. Kebanyakan calon hanya memberikan kesan kepada alam sekitar bukan kesan impak pembangunan dan calon tidak memberikan fakta impak pembangunan menyebabkan tiada langsung markah yang diberikan.

Soalan 6 (Soalan Esei)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan kepentingan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) kepada negara-negara di Rantau Asia. Jawapan yang sepatutnya adalah keperluan bahan mentah/perkongsi sumber, pertukaran/perkongsi teknologi, modal/pelaburan, buruh mahir dan tidak mahir, perluasan pasaran, meningkatkan aliran perdagangan antara negara, meningkatkan aktiviti ekonomi negara (perkilangan, pertanian), perkongsi kepakaran/tenaga mahir, meningkatkan daya saing negara anggota/kualiti produk meningkat, dan mengurangkan tekanan globalisasi ekonomi. Sebilangan besar calon dapat memberikan fakta dengan betul tetapi sebahagian kecil calon tidak mampu memberikan huraian yang baik. Sebilangan kecil calon juga memberikan fakta globalisasi ekonomi menyebabkan calon kehilangan markah dan ada calon memberikan fakta kepentingan sektor ekonomi seperti pendapatan negara meningkat, peluang pekerjaan meningkat, kesan pengganda dan lain-lain yang tidak boleh diterima oleh skema pemarkahan.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan **enam** halangan yang dihadapi dalam kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara serantau. Jawapan yang sepatutnya adalah perbezaan ekonomi antara negara, konflik politik wilayah dalam sesebuah negara, keupayaan melaksanakan projek kerjasama serantau, persaingan antara kepentingan negara dengan kepentingan serantau, pencemaran rentas sempadan, dan keselamatan serantau. Majoriti calon dapat memberikan fakta yang betul tetapi sebahagian calon memberikan huraian yang masih lagi lemah menyebabkan kebanyakan calon mendapat satu markah. Terdapat ramai calon yang memberikan fakta halangan teknologi, halangan modal, dan kekurangan kepakaran menyebabkan calon kehilangan markah. Soalan ini sebenarnya memberikan kelebihan dan mudah kepada calon yang menghafal fakta dan huraian bagi tajuk kerjasama ekonomi. Calon hanya perlu menghafal sahaja untuk mendapatkan markah penuh bagi soalan ini.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3 bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 11 520. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 70.29%.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.27	10.27	4.71	10.85	12.48	12.51	11.56	5.12	8.87	3.69	12.03

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan jawapan calon adalah pada tahap sederhana. Calon menguasai cara menjawab soalan struktur. Terdapat calon yang boleh menguasai kehendak soalan dengan baik dan membuat perancangan untuk menjawab soalan. Calon dapat memberi pendapat dan cadangan secara rasional dan logik. Ini dapat ditunjukkan dalam semua soalan yang berbentuk pengetahuan sedia ada atau logik akal calon. Calon telah menjawab soalan struktur mengikut wajaran markah dan menjawab mengikut arahan yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab mengikut arahan yang diberikan atau yang diminta dalam soalan itu sendiri.

Namun begitu, calon lemah dalam mengemukakan jawapan berkaitan “kesan” menyebabkan calon gagal mengemukakan isi utama dan menyebabkan calon tidak memperoleh markah. Terdapat juga calon yang lemah dalam menghurai fakta, gagal menguasai kehendak soalan kerana tidak dapat membezakan antara fakta dan huraian dan tidak dapat menjawab soalan konsep dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab secara umum tanpa mengupas kehendak soalan dan tidak membuat perancangan dalam membuat jawapan. Secara keseluruhannya calon STPM Semester 3 masih ramai yang tidak membuat perancangan yang teliti semasa menjawab. Calon gagal mentakrifkan tugasan soalan dan menjawab dengan tergesa-gesa tanpa meneliti setiap patah perkataan dalam ayat soalan. Calon agak lemah dalam merancang jawapan, banyak pengulangan soalan dalam menjawab.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Alam Sekitar Fizikal

Soalan 1 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan fungsi kitar nutrien dalam sesebuah ekosistem. Jawapan yang sepatutnya ialah membekalkan tenaga/unsur kimia/oksigen/karbon/nitrogen untuk pertumbuhan/tumbesaran/kesuburan tanah/keseimbangan ekosistem/rantaian makanan/fotosintesis/pernafasan. Kebanyakan calon tidak boleh menjelaskan fungsi kitar nutrien dengan baik. Kebanyakan

calon menyatakan fungsi kitar nutrien adalah untuk membekalkan aliran tenaga atau sumber makanan sahaja. Kebanyakan calon hanya mendapat satu markah sahaja untuk pertumbuhan pokok, kesuburan tanah, fotosintesis dan lain-lain tanpa memberi jawapan yang lengkap iaitu membekalkan tenaga atau unsur-unsur kimia.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan kitar oksigen dalam ekosistem daratan. Jawapan yang sepatutnya ialah oksigen dari atmosfera untuk pernafasan haiwan dan pernafasan haiwan akan menghasilkan karbon dioksida, karbon dioksida diambil oleh tumbuhan untuk proses fotosintesis seterusnya tumbuhan membebaskan oksigen melalui proses fotosintesis, oksigen diserap untuk pembakaran/pereputan dan karbon dioksida dibebaskan semasa pereputan/pembakaran. Sebahagian calon boleh menjawab dengan tepat beserta huraian. Namun, terdapat juga calon yang gagal memberikan jawapan yang baik kerana hanya menjelaskan tentang proses yang melibatkan salah satu sahaja sama ada pembebasan atau penyerapan gas, menyebabkan calon hanya mendapat satu markah sahaja. Terdapat juga calon yang tidak menyatakan proses atau huraian yang tepat menyebabkan calon gagal mendapat sebarang markah. Ada calon yang hanya menerangkan tentang proses pembebasan dan penyerapan oksigen tanpa melibatkan karbon dioksida.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **dua** aktiviti ekonomi yang mengganggu kitar karbon. Jawapan yang sepatutnya ialah pembalakan, pertanian, perlombongan kuari, pembinaan, pengangkutan/lebuhraya, perindustrian dan penternakan. Huraian mesti menyebutkan sama ada karbon dioksida bertambah atau terganggu. Kebanyakan calon boleh menyatakan aktiviti ekonomi dan menghuraikan aktiviti tersebut yang mengganggu kitar karbon atau yang menyebabkan peningkatan kandungan karbon dalam atmosfera. Namun, terdapat juga calon yang boleh menyatakan aktiviti tetapi gagal menghurai dengan baik bagaimana aktiviti tersebut menyumbang kepada peningkatan karbon dalam atmosfera.

Soalan 2 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud interaksi sistem fizikal dengan sistem gunaan manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah penggunaan/saling kebergantungan/saling hubungan/kaitan semua empat komponen fizikal (atmosfera, litosfera, biosfera, hidrosfera) untuk memenuhi keperluan/kegunaan dalam hidup manusia. Kebanyakan calon mengulang perkataan interaksi dan gunaan manusia dalam menjawab soalan menyebabkan calon gagal mendapat markah penuh. Selain itu, ramai calon gagal menguasai soalan konsep dengan baik dan gagal mengaitkan antara alam sekitar fizikal dan sistem gunaan manusia. Ada jawapan yang terpisah antara alam sekitar fizikal dan sistem gunaan manusia.

Soalan (b) menghendaki calon menghurai **dua** kegunaan sumber alam dari tanah lembap kepada kehidupan manusia. Soalan ini menghendaki calon menyatakan terlebih dahulu sumber yang terdapat di kawasan tanah lembap seterusnya mengaitkan keperluannya dengan kehidupan atau keperluan manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah sumber kayu untuk pembinaan perabot/perubatan/arang, sumber protein/makanan, sumber air, dan sumber tanah. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan baik dengan mengenalpasti sumber yang ada di tanah lembap serta mengaitkan sumber tersebut dengan keperluan manusia, tetapi terdapat juga calon yang menghurai secara umum dan membuat pengulangan perkataan tanah lembap menyebabkan tidak mendapat markah yang baik. Terdapat juga calon yang tidak memahami maksud tanah lembap menyebabkan calon gagal menyatakan sumber yang terdapat di kawasan tersebut.

Soalan (c) menghendaki calon menjelaskan **dua** kesan negatif penggunaan sumber secara berlebihan di kawasan tanah lembap terhadap alam sekitar manusia. Calon mesti memberikan kesan terhadap

alam sekitar fizikal sebagai fakta dan huraian dengan mengaitkan kepada alam sekitar manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah pencemaran alam sekitar, peningkatan suhu, banjir, kemarau, gangguanimbangan air, hakisan, pemendapan, habitat musnah, flora dan fauna musnah, dan gangguan rantaian makanan. Seterusnya menjelaskan kesan kepada alam sekitar manusia untuk mendapatkan markah bagi huraian iaitu kepupusan sumber makanan, gangguan bekalan air, risiko bencana alam sekitar, gangguan aktiviti manusia, dan penyakit/trauma. Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan ini dengan baik serta dapat mengenalpasti fakta dan membuat huraian yang baik, namun terdapat juga calon yang tidak mengaitkan kesan negatif kepada manusia dan masih terdapat calon yang tidak dapat membezakan antara fakta dan huraian.

BAHAGIAN B: Alam Sekitar Manusia

Soalan 3 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan **dua** impak aktiviti pengangkutan terhadap kemerosotan dan kepupusan sumber. Soalan ini menghendaki calon menyatakan kesan terlebih dahulu dan membuat huraian aktiviti pengangkutan yang bersesuaian yang menyebabkan berlakunya kemerosotan dan kepupusan sumber. Jawapan yang sepatutnya ialah kemusnahan/kemerosotan kepelbagaian biologi, kepupusan flora dan fauna, kehilangan kesuburan tanah/kehilangan nutrien tanah, kehilangan habitat flora dan fauna. Seterusnya huraian wajib menyentuh tentang aktiviti pengangkutan, penebangan pokok/hutan, penimbunan/tebus guna tanah, menarah bukit, menebuk bukit, letupan, meneres, dan pembinaan jeti/bersih kapal. Kebanyakan calon mampu menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan **tiga** kesan negatif aktiviti pengangkutan terhadap kehidupan manusia. Soalan ini menghendaki calon mengenalpasti kesan aktiviti pengangkutan sebagai fakta diikuti huraian yang memberi kesan terhadap kehidupan manusia. Jawapan yang sepatutnya ialah pembebasan asap/gas oleh kenderaan/pencemaran udara, bunyi bising dari enjin kenderaan/pencemaran bunyi, kesesakan lalulintas, pembebasan habuk dan debu, pembebasan bau busuk, peningkatan suhu, dan pencemaran air/tumpahan minyak. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat. Calon dapat mengenalpasti fakta dan boleh mengaitkan dengan kehidupan manusia. Tetapi terdapat juga calon yang tertukar fakta aktiviti pengangkutan (penebangan hutan, menebuk bukit, meneres bukit dan lain-lain) dan kesan kepada manusia seperti soalan (a).

Soalan 4 (Soalan Struktur)

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan **dua** aktiviti manusia yang menyebabkan pencemaran badan air di kawasan bandar. Jawapan yang sepatutnya ialah domestik, perindustrian, perniagaan, dan pembinaan. Kebanyakan calon boleh menjawab dengan tepat, tetapi terdapat juga calon yang menjawab aktiviti yang terdapat bukan di kawasan bandar seperti pertanian, perlombongan, pembalakan, perikanan dan pengangkutan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan **dua** kesan pencemaran badan air terhadap penduduk setempat. Jawapan yang sepatutnya ialah menjejaskan kesihatan/penyakit/wabak, bekalan air terganggu, aktiviti manusia/penduduk terganggu, hidupan akuatik mati/sumber protein terjejas/sumber makanan terjejas, dan kesejahteraan penduduk terjejas. Kebanyakan calon boleh menjawab dengan baik atau sekurang-kurangnya mendapat satu markah. Kelemahan jawapan calon adalah tidak dapat mengaitkan dengan kesan pencemaran air kepada penduduk setempat. Huraian agak lemah walaupun fakta yang diberikan baik.

Soalan (c) menghendaki calon mencadangkan **dua** langkah perundangan bagi mengatasi pencemaran badan air. Jawapan yang sepatutnya ialah pindaan akta/gubal akta, meningkatkan pemantauan/penguatkuasaan, dan meningkatkan hukuman/denda. Kebanyakan calon dapat menghurai sekurang-kurangnya mendapat satu markah. Namun, kelemahan ketara calon ialah tidak menghurai tentang cadangan iaitu penggunaan kata kerja yang menunjukkan penambahbaikan langkah perundangan bagi mengatasi pencemaran air. Terdapat calon yang tidak boleh membezakan antara akta, penguatkuasaan dan pemantauan. Terdapat juga calon yang menjadikan pemantauan dan penguatkuasaan sebagai dua fakta yang berbeza sedangkan ianya satu fakta yang sama.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)